

28/06/2002

Mesyuarat Malaysia-Singapura Isnin

KUALA LUMPUR, Khamis - Mesyuarat peringkat menteri bagi membincangkan isu penyelesaian berpakej antara Malaysia dan Singapura akan berlangsung di Putrajaya Isnin dan Selasa ini.

Wisma Putra dalam kenyataannya berkata, delegasi Malaysia akan diketuai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar manakala Singapura oleh Menteri Luarnya, Prof S Jayakumar.

Kenyataan itu berkata, antara isu yang akan dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan termasuk isu bekalan air ke Singapura, tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura dan penempatan pegawai Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK).

Pada masa yang sama, isu mengenai penggunaan ruang udara Malaysia oleh Singapura dan pengeluaran simpanan Tabung Simpanan Pusat (CPF) juga dijangka akan dibincangkan.

"Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan isu dua hala secara sekali gus dan berpakej pada 1998.

"Ia adalah persetujuan yang dicapai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong ketika pertemuan mereka di Sidang Kemuncak Asean di Hanoi," kata kenyataan itu.

Setakat ini, Malaysia dan Singapura mengadakan tiga rundingan mengenai isu berpakej berkenaan di peringkat pegawai kanan.

Kali terakhir mesyuarat itu diadakan adalah pada 27 hingga 28 Mei 1999 di Singapura.

(END)